

Burhanuddin bin Uzer
No 40, Jalan Warisan Indah 8/10,
Taman Kota Warisan,
43900 Sepang,
Selangor

Muallim Muhd Najhan bin Rani
Timbalan Guru Besar
Sekolah SRI Al Amin Cyberjaya
43800 Cyberjaya
Selangor

1 Jun 2026

Tuan,


PERMOHONAN PENGECEUALIAN MENGHADIRI KURSUS SEMPENA CUTI SEKOLAH

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Merujuk perkara di atas, saya Burhanuddin bin Uzer sebagai Guru Bahasa Arab di SRI Al-Amin Cyberjaya ingin membuat permohonan pengecualian daripada menghadiri bengkel yang akan diadakan pada 3 hingga 5 Jun 2026. Permohonan ini dibuat atas dasar perlu mengikuti kelas Diploma Pascasiswazah Pendidikan (DPP) secara atas talian di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bermula pada 29 Mei 2026 hingga 5 Jun 2026.
3. Untuk makluman tuan, saya telah mendaftar sebagai pelajar DPP di UKM ambilan mod cuti sekolah bermula cuti Hari Raya Aidilfitri iaitu bulan 3 bagi pertemuan pertama. Untuk pertemuan kedua, pelaksanaan akan melibatkan sesi pembentangan pelajar di samping mengikuti kuiz yang akan dilaksanakan pada tempoh tersebut. Hal ini memerlukan komitmen yang tinggi untuk menyelesaikan penghantaran tugas yang telah diberikan oleh pensyarah.
4. Sehubungan dengan itu, dilampirkan sekali surat permohonan pengecualian daripada UKM beserta jadual kelas yang perlu dihadiri oleh saya. Saya berharap agar pihak tuan dapat mempertimbangkan serta meluluskan permohonan saya ini. Kerjasama dan keprihatinan dari pihak tuan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian terima kasih.

Yang benar,



.....
(BURHANUDDIN BIN UZER)
Guru Kontrak,
SRI Al-Amin Cyberjaya